

MAHATHIR - THAILAND

I

GENTING HIGHLANDS, 22 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN THAILAND AKAN MENGGUNAKAN FORMULA PERKONGSIAN SAMA RATA HASIL PENGELUARAN DARIPADA USAHA MENCARIGALI MINYAK DI KAWASAN WILAYAH BERTINDIH DI TELUK SIAM, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERKONGSIAN PENGELUARAN ANTARA PETRONAS DAN TRITON (SEBUAH SYARIKAT DARI AMERIKA YANG TELAH DIBERI KONSESI OLEH KERAJAAN THAILAND UNTUK MEMBANGUNKAN KAWASAN ITU) ADALAH BERDASARKAN PERKIRAAN 50-50.

KATANYA, BAGAIMANAPUN MASIH TERDAPAT BEBERAPA BUTIRAN LANJUT MENGENAI SYARAT-SYARAT KERJASAMA SERTA PROSES BERSABIT PENUBUHAN LEMBAGA PEMBANGUNAN BERSAMA MALAYSIA-THAILAND YANG MASIH PERLU DIBINCANGKAN.

(LEMBAGA PEMBANGUNAN BERSAMA MALAYSIA-THAILAND ITU BERTANGGUNGJAWAB MENGAWASI KERJA-KERJA PEMBANGUNAN DI KAWASAN TERBABIT).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SYARAT-SYARAT KERJASAMA ITU MENJADI ANTARA PERKARA YANG AKAN DIBINCANGKAN DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI THAILAND, JEN TUN CHATICHAI CHOONHAVAN APABILA BELIAU MELAWAT NEGARA ITU Hujung Minggu ini. -- LAGI.
1611MST 22 03 90

0829

U B501 AAB

MAHATHIR - THAILAND 2 GENTING HIGHLANDS

I

KATANYA, FORMULA PERKONGSIAN SAMA RATA ITU TELAH DIPERSETUJUI OLEH KEDUA-DUA PIHAK DAN MENAMBAH KATA BAHAWA FORMULA ITU TERPAKAI TANPA MENGIRA SYARIKAT MANA DAN DI WILAYAH MANA YANG TERBABIT DENGAN PENGELUARAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU DEMIKIAN KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PARA PEGAWAI TINGGI KERAJAAN YANG DIADAKAN DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA OPERASI PEMBANGUNAN KAWASAN ITU AKAN DIMULAKAN TIDAK LAMA LAGI.

MALAYSIA DAN THAILAND BERSETUJU KEPADA PENUBUHAN LEMBAGA ITU DALAM PERBINCANGAN ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN JEN TUN CHATCHAI DI KUALA LUMPUR PADA BULAN OGOS TAHUN LEPAS. KEDUA-DUA PIHAK TELAH BERUNDING MENGENAI PERKARA ITU SEJAK 10 TAHUN LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MELAKUKAN LAWATAN KERJA SELAMA DUA HARI KE PATTAYA MULAI SABTU INI UNTUK MEMBINCANGKAN ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PERHUBUNGAN DUA HALA DAN PEMBANGUNAN. -- LAGI.

0835

U B503 AAB

MAHATHIR - THAILAND 3 GENTING HIGHLANDS

I

PERDANA MENTERI AKAN DIIRINGI OLEH ROMBONGAN 25 ORANG TERMASUK MENTERI PERTAHANAN, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK, TIMBALAN MENTERI LUAR, DATUK DR ABDULLAH FADZIL CHE WAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA BELIAU AKAN MENANDATANGANI SATU PERJANJIAN DENGAN THAILAND MENGENAI PERKHIDMATAN FERI ANTARA TAKBAI DI THAILAND SELATAN DAN PENGKALAN KUBUR DI KELANTAN, YANG MENURUT BELIAU SEPATUTNYA BEROPERASI SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN TURUT MEMBINCANGKAN DENGAN JEN TUN CHATICHAI MENGENAI ISU-ISU BERSABIT SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND. -- BERNAMA.

1636MST 22 03 90